

**Agong Kunjung Muhibah Sultan Brunei  
Bernama  
10 Mei, 2012  
Daripada Mohd Razman Abdullah**

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berangkat ke majlis kunjungan muhibah terhadap Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman di sini.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah tiba di pekarangan istana tersebut pada kira-kira 11 pagi.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara berkumandang pada majlis sambutan rasmi selain disertakan tembakan 21 das meriam, sebelum Seri Paduka memeriksa perbarisan kawalan kehormatan bersama Sultan Brunei.

Seri Paduka berdua juga disembahkan kalungan bunga oleh dua anakanda Sultan Brunei, Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Wakeel, sebelum memasuki Istana Nurul Iman untuk kunjungan muhibah.

Seri Paduka turut disembang kenalkan Speaker Majlis Mesyuarat Negara Brunei, para menteri dan timbalan menteri Brunei.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri berada di Brunei selama tiga hari untuk lawatan rasmi.

Lawatan Tuanku Abdul Halim merupakan lawatan pertama Seri Paduka ke luar negara selepas ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada 11 April lepas.

Pada 2.40 petang, Seri Paduka berdua dijadualkan berangkat melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Jabatan Mufti Kerajaan, di sini dan ke Royal Regalia untuk melawat bangunan alat-alat kebesaran diraja Brunei.

Pada 8 malam, Seri Paduka dan Raja Permaisuri berangkat ke Istana Darul Hana untuk majlis Santapan Negara dengan Sultan Brunei.

Pada Jumaat, Seri Paduka akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek 'Asr Hassanil Bolkiah di sini bersama Sultan dan rakyat Brunei pada 12 tengah hari.

Seri Paduka berdua akan berangkat pulang ke Malaysia pada 3.50 petang Jumaat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665078>